

01 AUG 1999

Harun-Ulama

ULAMA TULEN AKAN MENEGUR KEPINCANGAN PEMIMPIN, KATA HARUN DIN

MELAKA, 1 Ogos (Bernama) -- Golongan ulama yang sebenar akan mengambil bahagian dalam politik kerana mereka perlu menegur kepincangan atau kesilapan yang dibuat oleh pemerintah, kata bekas pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Datuk Dr Harun Din.

Adalah menjadi tabiat atau "nature" bagi seseorang ulama itu berpolitik, semua ulama berpolitik kerana semua ulama wajib menegur pemerintah jika berlaku kesilapan, katanya.

Ahli jawatankuasa PAS pusat itu berkata bahawa semua ulama besar dalam Islam seperti Imam Shafie dan Imam Hambali menjalankan peranan menegur pemerintah.

"Mereka juga berpolitik," katanya pada ceramah PAS di Air Molek di sini, malam tadi.

Dr Harun berkata beliau ingin menjelaskan kefahaman mengenai ulama itu kerana Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membuat kenyataan bahawa beliau ingin mencari ulama yang tulen.

Kenyataan Dr Mahathir bahawa ulama tidak berpolitik juga bermakna tidak ada lagi ulama dalam Umno, katanya.

Beliau menjelaskan bahawa ulama mengambil bahagian dalam politik dengan menegur kesilapan pemerintah kerana mereka tidak mahu bala diturunkan oleh Allah akibat daripada perbuatan pemimpin yang takbur.

Beliau berkata, bala itu dijanjikan dalam Al Quran dan ulama yang memahaminya akan mengambil bahagian berpolitik dengan menegur kepincangan pemimpin kerana bala yang akan diturunkan melibatkan semua iaitu rakyat dan negara.

Dr Harun juga berkata umat Islam tidak boleh lagi menerima Umno kerana parti itu tidak berhasrat menegakkan syariat Islam dan setelah sekian lama diberi peluang memerintah, mereka sekadar menegakkan syiar Islam sahaja.

PAS adalah parti yang mewakili umat Islam yang ingin menegakkan syariat iaitu perundangan Islam, bukannya menegakkan syiar yang sebenarnya hanyalah lambang sahaja.

Beliau kemudian meminta Umno menunjukkan mana satu syariat Islam yang telah diambil sebagai undang-undang di negara ini.

Permintaan beliau itu bukan cabaran tetapi sekadar meminta ditunjukkan kerana Umno mendakwa mereka juga telah melaksana Islam, katanya.

-- BERNAMA

MOZ PR